

BAB III

KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1 Pendahuluan

Kajian ini dijalankan secara tinjauan sampel. Di dalam bab ini akan dijelaskan reka bentuk kajian, sampel kajian dan alat yang digunakan untuk menjalankan kajian. Bab ini juga akan membincangkan prosedur pemungutan data dan proses penganalisaan data.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini dijalankan secara ' survey ' ke atas populasi pelajar-pelajar Islam Tingkatan 4 di Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan, Perak. Tinjauan sampel digunakan kerana maklumat mengenai pembolehubah-pembolehubah yang hendak dikumpul sukar untuk diperolehi dari seluruh ahli populasi, maka dijalankan kajian ke atas sampel secara rawak sebagai mewakili populasi. Tinjauan sampel yang dilakukan ialah tinjauan sampel tidak nyata kerana pembolehubah yang hendak diukur adalah gagasan atau konsep (Mohd Majid, 1990).

Kerlinger (1970) pula menjelaskan tinjauan sampel mengkaji populasi besar atau kecil dengan memilih dan mengkaji sampel yang diambil daripada populasi tersebut untuk mencari kesan bandingan, taburan dan perhubungan antara pembolehubah sosiologi dan psikologi.

Pembolehubah sosiologi ialah sifat-sifat individu seperti jantina, umur, bangsa, agama, status sosio ekonomi, pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan lain-lain. Pembolehubah psikologi pula termasuklah pendapat tentang sikap dan tingkahlaku.

Tumpuan utama ialah untuk melihat persepsi pelajar tingkatan empat terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA). Oleh itu sikap pelajar tingkatan empat terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ini merupakan variabel bergantung. Seterusnya pengkaji telah memilih beberapa variabel lain sebagai variabel bebas dan melihat hubungannya dengan variabel bergantung. Terdapat empat variabel yang dipilih iaitu jantina, pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam, peranan ibu bapa dan pengajaran guru Pendidikan Islam.

Persepsi pelajar tingkatan empat terhadap PAFA yang ingin diukur dibahagikan kepada dua aspek iaitu tanggapan pelajar tentang PAFA dan perasaan pelajar terhadap ujian tersebut.

Tanggapan pelajar terhadap PAFA dilihat dari tiga segi :

1. Kepentingan PAFA kepada pelajar.
2. Kepentingan PAFA untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam.
3. Kepentingan PAFA untuk membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR.

Perasaan pelajar terhadap PAFA dilihat dari tiga aspek iaitu :

1. Pemahaman pelajar tentang PAFA dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA
2. Kepentingan amalan ibadat sehari-hari dalam membantu pelajar menjawab PAFA dengan baik..
3. Kepentingan PAFA untuk mendisiplin dan membentuk akhlak.

Bagi mengetahui hubungan antara variabel persepsi pelajar terhadap PAFA dengan variabel bebas yang telah ditetapkan, kaedah korelasi telah digunakan. Kaedah ini sesuai digunakan kerana memberi penekanan kepada penentuan sejauhmana perkaitan antara variabel dan juga boleh menentukan variasi yang berlaku kepada satu variabel dan kaitannya dengan variasi yang berlaku pada satu variabel lain. Perkaitan ini pula boleh ditentukan dengan menggunakan pekali korelasi yang memberikan perkaitan dalam bentuk matematik (Mohd Majid, 1990).

3.3 Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan, Perak. Sampel terdiri daripada 30 orang pelajar lelaki dan 30 orang pelajar perempuan. Pemilihan sampel kajian dibuat secara rawak.

3.4 Alat Kajian

Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada satu set soal selidik. Soal selidik bagi penyelidikan ini adalah hasil daripada rujukan soal selidik Gardner dan Lambert (1972), Oller (1982), Rajgopal, S (1976), Kamsiah (1984) dan Nurhizan (1995).

Berdasarkan rujukan daripada penyelidik di atas, penyelidik telah membina dan mengubahsuai soal selidik tersebut untuk digunakan dalam kajian ini (Lampiran A). Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A mengandungi item-item berkaitan dengan maklumat diri dan latar belakang sampel kajian. Soalan yang terdapat dalam bahagian ini ialah soalan yang bertanyakan jantina, markah atau gred Pendidikan Islam, tempat tinggal sampel, jurusan pelajar dan pekerjaan bapa atau penjaga sampel kajian.

Bahagian B pula mengandungi kenyataan yang berkenaan dengan sikap sampel kajian terhadap PAFA. Terdapat 35 kenyataan kesemuanya. Item-item dalam Bahagian B ini menggunakan skala Likert 1 hingga 5 iaitu :

1. Sangat tidak setuju.
2. Tidak setuju.
3. Tidak pasti
4. Setuju
5. Sangat setuju.

Walau bagaimanapun untuk tujuan mengukur sikap pelajar terhadap PAFA ini hanya enam item berkaitan persepsi yang akan digunakan. Item-item berkenaan ialah tiga item yang mengukur tanggapan pelajar terhadap PAFA iaitu :

1. Item 7 (Penting atau tidak Perkara Asas Fardu Ain).
2. Item 9 (Sama ada PAFA membantu mendapatkan gred yang baik dalam PMR).
3. Item 8 (Berguna atau tidaknya PAFA dalam meningkatkan penghayatan Islam).

Tiga item bagi mengukur perasaan pelajar terhadap PAFA iaitu :

1. Item 10 (Faham atau tidak PAFA).
2. Item 15 (Penting atau tidak amalan ibadat seharian dalam menjawab PAFA).
3. Item 24 (Penting atau tidak PAFA dalam mendisiplin dan membentuk akhlak).

3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Bagi memelihara kesahan dan kebolehpercayaan data-data yang dipungut, tindakan-tindakan berikut diambil :

1. Identiti respondan dirahsiakan. Respondan tidak perlu menulis nama mereka. Mereka juga diyakini bahawa maklumat yang mereka berikan adalah 'rahsia' dan hanya digunakan untuk tujuan kajian sahaja. Dengan itu respondan kajian akan dapat menjawab soalan soal selidik ini dengan ikhlas. Respondan juga diingatkan soal selidik ini bukanlah suatu ujian, oleh itu ia tiada jawapan yang betul atau salah.
2. Penyelidik menjalankan ujian rintis kepada pelajar tingkatan 4 seramai 10 orang di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan, Perak. Ujian rintis ini bertujuan untuk memperbaiki instrumen kajian dari segi pembentukan item, kesesuaian bahasa serta mendapatkan anggaran masa yang digunakan untuk menjawab soal selidik ini.

3.6 Prosedur Pungutan Data

Sebelum soal selidik diedarkan kepada sampel kajian, kebenaran menjalankan kajian daripada pihak berkuasa mesti diperolehi terlebih dahulu. Peraturan telah ditetapkan bahawa kajian yang melibatkan anggota Kementerian Pendidikan mesti mendapatkan kebenaran daripada Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pengkaji juga mendapatkan kebenaran daripada Pengarah Pendidikan Negeri Perak dan Pengetua sekolah tersebut. Penyelidik juga telah menyediakan satu surat pengenalan diri yang disertakan bersama-sama dengan soal selidik yang memberi penerangan tentang tujuan kajian disamping meminta kerjasama sampel kajian agar dapat menjawab dengan jujur dan ikhlas soalan yang dikemukakan.

Soal selidik seterusnya ditadbir sendiri oleh penyelidik dengan bantuan guru-guru Pendidikan Islam di sekolah berkenaan. Penerangan tentang cara memberi maklum balas terhadap item-item dalam soal selidik itu juga diberikan kepada semua yang mengambil bahagian.

3.7 Prosedur Analisis Data

Data-data yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis menggunakan perisian "The Statistical Package For Social Science" (SPSS).

Taburan kekerapan dan peratusan digunakan untuk membuat huraian tentang beberapa variabel tertentu seperti jantina dan pencapaian pelajar Pendidikan Islam dalam PMR.

Kaedah " Cross tabulation " dan nilai Chi ganda dua Pearson's R pula digunakan untuk menganalisis hubungan antara variabel. Seterusnya apabila disebut signifikan dalam kajian ini , ini bermakna $p < .05$.